UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

MYDIGITAL ID BAWA IDENTITI DIGITAL NASIONAL KE JALAN RAYA, BERSAMA PEMAIN EKONOMI GIG

PUTRAJAYA, JANUARI 16, 2026 – MyDigital ID kini memperluas kempen kesedaran akar umbinya dengan mendekati rakyat melalui kaedah promosi bergerak, sambil memanfaatkan peranan pemain ekonomi gig sebagai penghubung agenda digital negara dan masyarakat bandar.

Digerakkan oleh 30 buah kenderaan perkhidmatan *e-hailing* yang dihiasi dengan pelekat kereta berslogankan "Satu Kunci Untuk Semua" iaitu naratif utama MyDigital ID. Kempen pengiklanan bergerak ini telah mula menelusuri jalan raya di sekitar Lembah Klang sejak Disember tahun lalu.

Kenderaan *e-hailing* yang terlibat turut dilengkapi bahan promosi *in-car hanger* MyDigital ID, membolehkan penumpang mengimbas kod QR dan mendaftar secara langsung semasa perjalanan, menjadikan proses pendaftaran lebih mudah dan pantas, serasi dengan gaya hidup masyarakat bandar.

Pada masa yang sama, pemandu *e-hailing* yang terlibat turut diberi peranan sebagai duta kecil MyDigital ID dalam membantu memperkenalkan platform identiti digital nasional ini kepada penumpang, sekali gus menjadikannya lebih dekat di hati rakyat.

Menurut **Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MyDigital ID, Rita Irina Abd Wahab**: "Dengan dokongan perkhidmatan kenderaan e-hailing, MyDigital ID dibawa terus ke masyarakat tidak lagi terbatas kepada program berbentuk formal semata-mata.

"Melalui interaksi harian bersama penumpang, mereka membantu memperkenalkan identiti digital nasional ini dengan cara yang lebih santai, mudah difahami dan berjiwa rakyat.

"Selaras dengan aspirasi Kerajaan, pendekatan berteraskan denyut nadi rakyat ini menekankan keterangkuman digital, kemudahan akses perkhidmatan serta membina kepercayaan terhadap sistem digital negara."

Sejak diperkenalkan kepada orang awam pada November 2023, MyDigital ID kini mencatat lebih 8 juta pengguna berdaftar serta telah berintegrasi dengan 80 aplikasi dan portal merentas sektor Kerajaan dan swasta."

- TAMAT -

Mengenai MyDigital ID:

MyDigital ID ialah platform identiti digital yang selamat dan dipercayai yang direka untuk mengukuhkan dan memudahkan pengesahan identiti dalam talian, tanpa menggantikan sistem MyKad. Ia berfungsi sebagai log masuk tunggal untuk perkhidmatan digital, menawarkan keselamatan dan kebolehcapaian yang lebih besar kepada rakyat dalam mengakses perkhidmatan dalam talian dan melakukan transaksi. MyDigital ID mengutamakan keselamatan dan privasi data. Ia tidak menyimpan sebarang data biometrik atau pangkalan data peribadi dan tidak berfungsi sebagai pengganti MyKad untuk tujuan pengenalan diri. Muat turun aplikasi MyDigital ID melalui gedung aplikasi utama; Google Play Store, Apple App Store dan Huawei App Gallery. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.digital-id.my.

Untuk sebarang pertanyaan media sila emel**: **communications@myid.my